

**KERTAS KERJA CADANGAN PELAKSANAAN KURSUS ICT SIRI KE-3**  
**BAGI GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH**  
**YANG MENGAJAR SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS**  
**SEMPENA PROGRAM PENGGALAKKAN SAINS DAN TEKNOLOGI PERINGKAT**  
**NEGERI MELAKA BAGI TAHUN 2003.**

Disediakan oleh: Imran Syakir Bin Mohamad

### **Pengenalan**

Memandangkan melalui tahun hadapan 2003, matapelajaran Sains dan Matematik mulai diajar dalam bahasa Inggeris oleh guru-guru yang telah dipilih. Dalam usaha tersebut guru-guru telah dibekalkan dengan ‘laptop’ kepada semua guru disekolah yang mengajar matapelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Di atas kesedaran tentang betapa pentingnya setiap guru-guru meningkatkan penguasaan ICT (*Information & Communication Technology*) bagi menjalankan tugas pengajaran dengan lebih berkesan, satu siri kursus kemahiran komputer akan dilaksanakan. Kursus ini merupakan lanjutan daripada siri-siri kursus yang lepas dan sekali lagi akan dikendalikan oleh Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka.

### **Matlamat**

Matlamat utama kursus ini adalah untuk menimbulkan minat dan kecekapan guru-guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris menggunakan sistem e-pembelajaran dan menafaatkan sepenuhnya ‘laptop’ yang dibekalkan untuk proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Di samping itu, memperkayakan kemahiran ICT dan menjadikan KUTKM sebagai “one stop centre” pembelajaran

lanjutan berasaskan ICT pada semua peringkat dan golongan khasnya kepada guru-guru di Negeri Melaka.

## **Objektif**

Antara objektif kursus ini adalah untuk:

- Menggalakkan dan mempertingkatkan lagi kemahiran ICT secara ‘hand-on’ kepada masyarakat negeri Melaka khasnya kepada guru sekolah rendah dan menengah yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Negeri Melaka
- Memberi kesedaran kepentingan ICT dan pendedahan sepenuhnya penggunaan ‘Laptop’ dan perisian.
- Memupuk minat aktif untuk mempelajari ICT seterusnya melahirkan golongan guru-guru yang celik komputer.
- Menggalakkan hubungan silaturahim dan kerjasama di antara guru-guru dengan tenaga pengajar, pakar-pakar rujuk serta kakitangan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia.
- Memberi ruang kepada KUTKM sebagai landasan saluran ilmu kepada masyarakat luar khasnya di Negeri Melaka.

## **Kumpulan Sasaran**

Peserta kursus seramai 80 orang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah dan menengah yang mengajar matapelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Negeri Melaka.

### **Cadangan Tarikh dan Tempat**

Kursus ini akan dilaksanakan bermula dari 17 Mac 2003 sehingga 20 Mac 2003 bertempat di Makmal Komputer, Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia. Ayer Keroh, Melaka.

### **Cadangan Aturcara**

<b>TARIKH</b>	<b>MASA</b>	<b>PERKARA</b>
17 Mac 2003, ( Isnin )	8.00 – 8.30 am	Pendaftaran
	8.30 – 10.30 am	Seminar 1
	10.30 - 11.00 am	Minum pagi
	11.00 – 1.00 am	Seminar 2
	1.00 – 2.30 pm	Rehat
	2.30 – 4.30 pm	Demostrasi/ Pameran
	4.30 – 5.00 pm	Minum Petang
18 Mac 2003 ( Selasa )	8.30 – 10.30 am	Modul1
	10.30 - 11.00 am	Minum pagi
	11.00 – 1.00 am	Modul 2
	1.00 – 2.30 pm	Rehat
	2.30 – 4.30 pm	Modul 3
	4.30 – 5.00 pm	Minum Petang
19 Mac 2003 ( Rabu )	8.30 – 10.30 am	Modul 4
	10.30 - 11.00 am	Minum Pagi
	11.00 – 1.00 am	Modul 5
	1.00 – 2.30 pm	Rehat
	2.30 – 4.30 pm	Modul 6
	4.30- 5.00 pm	Minum Petang
20 Mac 2003 ( Khamis )	8.30 – 10.30 am	Modul 7
	10.30 - 11.00 am	Minum pagi
	11.00 – 1.00 am	Modul 8
	1.00 – 2.30 pm	Rehat
	2.30 – 4.30 pm	Modul 9
	4.30- 5.00 pm	Perasmian Penutup & Penyampaian Sijil Peserta
	5.00- 5.30 pm	Minum Petang

## **Anggaran Perbelanjaan**

Makan Minum (2 kali minum dan sekali makan tengahari)

RM 12.00 x (80 peserta + 15 urusetia/fasi) x 4 hari = RM 4, 560.00

Elaun Penceramah/ fasilitator

(RM 100 x 12 orang x 3 hari x 2 jam) = RM 7, 200.00

(RM 150 x 3 orang x 1 hari x 2 jam) = RM 900.00

Pembelanjaan mesyuarat dan persiapan = RM 800.00

Beg, Alat tulis, nama tag & nota (RM 40.00 x 100 orang) = RM 4, 000.00

Cenderahati untuk VIP (Perasmian/Penutup) = RM 500.00

Penyediaan banners (4 helai x RM150) = RM 600.00

Backdrops = RM 600.00

Belian perisian = RM 7, 000.00

Bayaran overhed: Utiliti & lain-lain kemudahan universiti = RM 1, 400.00

Sumbangan / keuntungan = RM 5, 600.00

Perbelanjaan Luar Jangka = RM 1, 840.00

**JUMLAH** = **RM 35, 000.00**

## **Kendalian Kursus**

Kursus ini akan dijalankan selama 4 hari (1 hari seminar dan 3 hari sesi kursus) menggunakan perantaraan bahasa Inggeris. Kursus ini adalah berbentuk kursus “hands-on” dan setiap peserta digalakkan membawa ‘Laptop’ masing-masing.

Sesi seminar akan dibentangkan oleh 3 penceramah jemputan manakala sesi kursus pula akan dikendalikan oleh fasilitator-fasilitator berkelayakan yang merupakan tenaga pengajar Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia daripada Fakulti

Kejuruteraan Komputer dan Teknologi Maklumat. Setiap modul akan dipecahkan kepada 2 kumpulan dan setiap kumpulan akan diselai oleh 2 orang fasilitator.

Selain itu, pada masa yang sama satu bentuk pameran terbuka akan dijalankan serentak di ruang legar kawasan kursus yang berkaitan dengan ICT dan sains teknologi. Antara bentuk pameran yang dicadangkan adalah pameran buku, pameran barang komputer dan perisian, pameran media interaktif berkenaan sains dan matematik dan lain-lain.

## **Modul-Modul Kursus**

### **Modul 1: Penghasilan Bahan Persembahan Untuk P & P**

Modul ini akan menggunakan perisian **Microsoft Office PowerPoint** untuk menyediakan pakej pembelajaran dalam mata pelajaran Sains dan Matematik untuk digunakan di dalam satu sesi pengajaran pembelajaran.

Aktiviti:

- Merancang Kandungan Persembahan
- Membina Bahan Persembahan dalam bentuk multimedia
- Menyisip Bunyi
- Menukar Fail Persembahan Ke Bentuk HTML
- Membina Disket Pack And Go
- Berkongsi Dan Menilai

### **Modul 2: Asas Rekabentuk Grafik Dalam Multimedia.**

Pengetahuan asas mengenai rekabentuk dan teknologi penghasilan grafik agar dapat membantu peserta untuk memperhebatkan bahan persembahan untuk pembelajaran.

Aktiviti:

- Proses Rekabentuk Grafik
- Elemen-elemen rekabentuk grafik kreatif
- Asas grafik komputer
- Mereka bentuk untuk penghasilan

### **Modul 3: Jaringan Internet**

Para peserta akan didedahkan kepada asas jaringan internet, agar dapat memudahkan proses pembinaan jaringan kerja untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Dengan ini, suatu proses pembelajaran secara internet boleh dilakukan. Secara tidak langsung membenarkan sesiapa mengakses bahan pendidikan di mana sahaja, pada bila-bila masa dan melalui apa sahaja perkakasan.

Aktiviti:

- Penyelesaian LAN & WAN
- Jaringan dan perkhidmatan internet
- Jaringan dan perkhidmatan Intranet (CD – ROM)
- Pembinaan homepage melalui internet
- Internet surfing

### **Modul 4: Proses ‘e-learning’ dalam pengajaran dan pembelajaran.**

Selaras dengan kemajuan teknologi pada masa kini, ‘e- learning’ dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sangat penting. Ini memerlukan bidang kepakaran didalam menggunakan rangkaian elektronik untuk penyampaian isi kandungan, interaktif dan bahan pembelajaran. Oleh itu teknik penyediaan, penggunaan, dan penyelenggaraan untuk proses ‘e-learning’ menggunakan media elektronik amat diperlukan.

Aktiviti:

- Rangkaian Internet.
- Aplikasi intranet atau CD-ROM
- TV interaktif.